

Headline	Malaysia terima Anugerah Emas		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	03 May 2017	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	171,663
Page No	22	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	837 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 16,543
Frequency	Daily	PR Value	RM 49,628



# Malaysia terima Anugerah Emas

**M**ALAYSIA menerima Anugerah Emas bawah kategori CHM yang baru dibangunkan ketika Mesyuarat Ketiga Belas Persidangan Pihak-Pihak kepada Konvensyen Kepelbagaian Biologi (COP 13) yang diadakan di Cancun, Mexico dari pada Disember tahun lepas.

Menurut **Datuk Dr. Abd Latif Mohmod**, anugerah tersebut adalah pengiktirafan atas usaha berterusan dalam meningkatkan, mengemas kini dan mengekalkan CHM untuk Malaysia sejak tahun 2008.

Ini menunjukkan MyBIS diiktiraf pada peringkat antarabangsa sebagai pusat pangkalan data biodiversiti untuk Malaysia.

"Anugerah ini membuktikan bahawa hala tuju MyBIS adalah selaras dengan Konvensyen Kepelbagaian Biologi serta



**KOLEKSI** ekstrak piawai antara Khazanah alam yang wajar direkod dan disimpan.

menyokong Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan dan ke arah mencapai Sasaran Aichi pada tahun 2020.

"Pengiktirafan ini adalah bukti kesungguhan dan komitmen FRIM ke arah pemuliharaan dan dokumentasi sumber semula jadi negara untuk warisan generasi akan datang.

"Terdapat keperluan untuk meningkatkan kerjasama dalam kalangan agensi kerajaan dan pencinta alam untuk menyumbangkan data kepada MyBIS sebagai sebahagian daripada usaha negara untuk

mengumpul maklumat biodiversiti bagi Malaysia," ujarnya.

Anugerah tersebut diperkenalkan untuk mengiktiraf negara dengan peningkatan kemajuan yang paling signifikan dalam penubuhan atau pembangunan CHM kebangsaan mereka.

Anugerah CHM juga menentang usaha yang dibuat setakat ini oleh negara-negara yang mengambil bahagian serta menggalakkan mekanisme penyebaran maklumat biodiversiti negara ahli terus dimajukan.

Semua ahli Konvensyen

Anugerah tersebut adalah pengiktirafan atas usaha berterusan dalam meningkatkan, mengemas kini dan mengekalkan CHM untuk Malaysia sejak tahun 2008.

Ini menunjukkan MyBIS diiktiraf pada peringkat antarabangsa sebagai pusat pangkalan data biodiversiti untuk Malaysia."

mengenai Kepelbagaian Biologi (CBD) digalakkan untuk menubuhkan satu mekanisme penyebaran maklumat biodiversiti (CHM) kebangsaan.

Walaupun bagaimanapun, terdapat beberapa negara membangun yang masih belum menubuhkan sistem tersebut.



**DR. ABD. LATIF MOHMOD** dan **Dr. Lilian Chua** menunjukkan anugerah MyCHM yang diterima pada tahun lepas.

Headline	Malaysia terima Anugerah Emas		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	03 May 2017	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	171,663
Page No	22	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	837 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 16,543
Frequency	Daily	PR Value	RM 49,628

## APA ITU MYBIS?

- MyBIS yang sebelum ini dikenali sebagai *Malaysian Biological Diversity Clearing House Mechanism (MyCHM)* dengan akses melalui [www.chm.frim.gov.my](http://www.chm.frim.gov.my) telah dibangunkan dan diselenggara oleh Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

- Dilancarkan pada tahun 2008 oleh Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia (NRE).

- MyBIS memperkenalkan empat modul utama iaitu:

- ☞ Penemuan
- ☞ Pencarian
- ☞ Analisis
- ☞ Rujukan

- Terdapat submodul-submodul lain seperti:

- ☞ Spesies
- ☞ Kawasan Perlindungan
- ☞ Pakar
- ☞ Spesimen
- ☞ Gambar.



Headline	Malaysia terima Anugerah Emas		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	03 May 2017	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	171,663
Page No	22	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	837 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 16,543
Frequency	Daily	PR Value	RM 49,628

## TAHUKAH ANDA?

- Pada masa ini terdapat lebih daripada 40,000 rekod spesies, lebih 6,000 gambar, 106 surat berita yang dikemas kini setiap bulan
- Lebih daripada 1,000 bahan rujukan dan kajian literatur serta 99 penerbitan di laman web ini.
- Laman sesawang ini, telah mencatatkan lebih daripada sejuta pengunjung sejak 2008.
- Pada masa ini, terdapat 481 pakar berkaitan biodiversiti yang berdaftar dengan MyBIS.
- MyBIS juga menyediakan sistem berpusat untuk menguruskan data spesimen daripada pelbagai pusat koleksi spesimen di negara ini.
- Sehingga kini, terdapat beberapa pusat koleksi spesimen iaitu :
  - 📁 Koleksi Rujukan Entomologi dan Kayu FRIM
  - 📁 Koleksi Hidupan Liar Perhilitan
  - 📁 Koleksi Institut Penyelidikan Perubatan Pusat Sistematik Serangga Universiti Kebangsaan Malaysia
  - 📁 Koleksi Herbarium dan Zoologi Universiti Malaya
  - 📁 Pusat Rujukan dan Repositori Hidupan Marin Laut China Selatan UMT
  - 📁 Muzium Alam Semula
- Jadi telah menggunakan MyBIS untuk menguruskan data koleksi spesimen masing-masing, yang kini berjumlah lebih dari 90,000 spesimen keseluruhannya.